

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HALIMAH BT. MOHAMED SADIQUE
(KOTA TINGGI)**

SOALAN

DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [KOTA TINGGI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kementerian menyedari keperluan mengaktifkan semula pondok polis di kawasan tertentu terutamanya di Sedili Besar ekoran kawasan pekan yang kini menjadi tumpuan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 1989, Balai Polis Kuala Sedili telah diwujudkan untuk menggantikan Balai Polis Sedili Besar yang kini telah ditukar taraf kepada Pondok Polis Sedili Besar. Ini disebabkan jumlah penduduk di kawasan pentadbiran Balai Polis Kuala Sedili adalah lebih ramai berbanding di Pondok Polis Sedili Besar.

Sebagai makluman, pondok polis diwujudkan bertujuan untuk membantu balai polis apabila sesuatu kawasan itu menjadi tumpuan orang ramai seperti wujudnya kawasan perindustrian, taman perumahan, kawasan hospital dan kawasan nelayan. Selain itu, faktor jarak dan geografi juga menyebabkan wujudnya pondok polis apabila jalan perhubungan yang jauh dan sukar seperti di kawasan yang menggunakan jalan air sebagai laluan pengangkutan utama.

Pada masa ini, pengukuhan perjawatan hanya diutamakan ke atas 471 balai-balai polis yang mempunyai bilangan perjawatan kurang dari 15 termasuklah ke atas Balai Polis Kuala Sedili yang turut melibatkan perjawatan untuk Pondok Polis Sedili Besar yang berada di bawah pentadbiran Balai Polis Kuala Sedili.